

Arak hilangkan kewarasan manusia

Jumaat, 17/6/2020, Berita Harian (Ibukota) m/s : 37

Dr Mohd Suhardi Mat Jusoh



Pensyarah Sains Kemanusiaan,
Universiti Malaysia Pahang (UMP)

Kita dikejutkan banyak kemalangan maut membabitkan pemandu mabuk. Statistik polis sepanjang 2019 menunjukkan 23 kes kemalangan membabitkan pemandu mabuk, manakala lima bulan pertama tahun ini pula menyaksikan 21 nahas yang turut menyebabkan lapan mangsa meninggal dunia.

Apa yang jelas, memandu di bawah pengaruh alkohol mem-

beri implikasi bukan hanya membabitkan mangsa dan keluarga, bahkan kepentingan awam. Rentetan itu, inisiatif kerajaan merombak pendekatan menangani isu ini khususnya melalui tinjauan kaji selidik Kementerian Pengangkutan mengenai pengambilan alkohol dan penguatkuasaan undang-undang lebih tegas wajar dan tepat pada masanya.

Ia selaras dengan penyelesaian Islam, iaitu prinsip memelihara akal sebagai perka-ra sangat mustahak demi memelihara kelangsungan hidup manusia. Justeru, Islam mengharamkan arak kerana ia merosakkan akal sedangkan penjagaan akal antara tujuan maqasid syariah yang utama, selain menjaga agama, nyawa,

keturunan dan harta.

Oleh itu, justifikasi Islam terhadap pengharaman arak jelas iaitu ia punca kerosakan akal dan mengandungi banyak kemudaratian. Allah SWT berfirman: *"Mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah; pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula beberapa manfaat bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya."* (Al-Baqarah: 219)

Berikut itu, seseorang yang minum arak terlalu banyak dan kemudian memandu, membahayakan pengguna jalan raya lain. Tidak hairanlah kita kerap melihat di media termasuk media sosial mengenai pemandu mabuk melawan arus,

memandu secara melulu serta hilang pertimbangan dan kewarasan ketika di jalan raya.

Dalam menangani isu ini, ketegasan dan pertimbangan serius kerajaan dalam menentukan penyelesaian efektif dan bersifat pencegahan untuk jangka panjang harus mengambil kira asas maqasid syariah dalam aspek pemeliharaan akal dan nyawa berdasarkan prinsip umum, iaitu kemudaratian wajib dihilangkan.

Berdasarkan prinsip ini, cadangan kerajaan menge-nakan hukuman lebih berat kepada pemandu mabuk sehingga boleh memberi pengajaran kepada orang lain, sekali gus memberikan pembelaan dan keadilan untuk mangsa dan keluarga mangsa amat selari

dengan semangat maqasid syariah.

Malah cadangan ini juga seja-jar justifikasi hak kemanusiaan kerana polisi dan pendekatan hampir serupa dilaksanakan di beberapa negara jiran. Di Thailand misalnya, pihak berkuasa mewajibkan pemandu mabuk membayar pampasan kepada keluarga mangsa bagi menjamin kesinambungan hidup seki-ranya mengakibatkan kematian pengguna jalan raya lain.

Di Singapura pula, paman-du mabuk yang menyebabkan kematian ditetapkan sebagai pesalah kali pertama dengan denda sebanyak RM20,500 atau penjara enam bulan. Bagi kesalahannya kedua, denda dan tempoh penjara boleh meningkat 500 kali ganda.